



## **IKLAN BIASISWA KERAJAAN NEGERI SABAH BAGI TAHUN 2018**

Warganegara Malaysia yang berasal dari Negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan dan salah seorang ibu atau bapa pemohon berasal dan dilahirkan di Sabah atau Wilayah Persekutuan Labuan dipelawa memohon Basiswa Kerajaan Negeri Sabah untuk mengikuti kursus-kursus yang disenaraikan.

### **(A) BIDANG DAN PERINGKAT PENGAJIAN**

#### **1. Diploma di Institusi Pengajian Tinggi Tempatan (IPT)**

|                                 |                          |
|---------------------------------|--------------------------|
| Aktuari Sains                   | Pertanian                |
| Juru Ukur                       | Sains Tulen              |
| Kejuruteraan                    | Seni Bina (Architecture) |
| Kesihatan dan Perusahaan Ternak | Teknologi Maklumat       |
| Pengurusan Hartanah             | Ukur Bahan               |
| Perakaunan                      |                          |

#### **2. Ijazah Sarjana Muda di Institusi Pengajian Tempatan (IPT)**

|                                 |                     |
|---------------------------------|---------------------|
| Aktuari Sains                   | Perakaunan          |
| Akuakultur                      | Pergigian           |
| Ekonomi                         | Perhutanan          |
| Farmasi                         | Perikanan           |
| Kejuruteraan                    | Pertanian           |
| Kesihatan dan Perusahaan Ternak | Perubatan           |
| Keusahawanan                    | Perubatan Veterinar |
| Komunikasi                      | Psikologi           |
| Juru Ukur                       | Sains Alam Sekitar  |
| Muzik                           | Sains Biologi Marin |

|                             |                             |
|-----------------------------|-----------------------------|
| Pelancongan dan Hospitaliti | Sains Bioteknologi          |
| Pendidikan                  | Sains dan Teknologi Makanan |
| Pengajian Islam             | Sains Komputer              |
| Pengangkutan dan Logistik   | Seni Bina (Architecture)    |
| Pengurusan Ladang           | Teknologi Maklumat          |
| Pengurusan Hartanah         | Ukur Bahan                  |
| Pentadbiran Perniagaan      | Undang-Undang               |

## B) KELAYAKAN PEMOHON

### 1. Had Umur

- 1.1 Bagi kursus (A) 1 pemohon hendaklah tidak melebihi 20 tahun.
- 1.2 Bagi kursus (A) 2 pemohon hendaklah tidak melebihi 25 tahun.

### 2. Kelayakan Akademik

#### 2.1 Kursus Diploma

- 2.1.1 Lulus ***Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)*** dengan memperolehi sekurang-kurangnya **7A** dalam mata pelajaran termasuk ***Bahasa Melayu*** dan mata pelajaran yang berkaitan dengan bidang kursus yang dipohon. Lulus dengan ***kepujian*** dalam mata pelajaran ***Bahasa Inggeris*** untuk universiti yang menggunakan ***Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Pengantar***.

#### 2.2 Kursus Sarjana Muda

- 2.2.1 ***Lulus Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)*** dengan memperolehi sekurang-kurangnya ***PNGK/CGPA 3.33***. Kelayakan ini haruslah diperolehi dengan hanya sekali menduduki peperiksaan atau kelayakan yang setaraf.
- 2.2.2 Sijil Tinggi Agama Malaysia (***STAM***) dengan memperolehi sekurang-kurangnya ***Jayyid***.
- 2.2.3 ***Diploma*** dengan memperolehi sekurang-kurangnya ***PNGK/CGPA 3.5***.
- 2.2.4 ***Lulus Matrikulasi*** dengan memperolehi sekurang-kurangnya ***PNGK/CGPA 3.5***.
- 2.2.5 ***Lulus Asasi/Foundation*** dengan memperolehi sekurang-kurangnya ***PNGK/CGPA 3.5***.

## 2.3 Perubatan, Pergigian dan Farmasi

2.3.1 Kursus **Perubatan, Pergigian** dan **Farmasi** perlu memperolehi sekurang-kurangnya **PNGK/ CGPA 3.8** di peringkat **STPM/ Diploma/ Matrikulasi**. Tawaran Biasiswa hanya di **Institusi Pengajian Tinggi (IPT)** dalam negeri sahaja.

2.4 Pemohon yang sedang belajar di **Institusi Pengajian Tinggi Tempatan (IPT)** perlu memperolehi sekurang-kurangnya **PNGK/ CGPA 3.5 keputusan semasa** untuk meneruskan pengajian ke peringkat Diploma dan Sarjana Muda.

## (C) CARA MEMOHON

1. Permohonan hendaklah melalui '**online**' dengan melayari laman sesawang [www.biasiswa.sabah.gov.my](http://www.biasiswa.sabah.gov.my) mulai **31 Mac 2018**. Pemohon perlu mempunyai **e-mel peribadi** yang aktif.

## (D) PERHATIAN

1. Permohonan yang **tidak lengkap** atau tidak memenuhi syarat seperti yang ditetapkan **TIDAK akan dipertimbangkan**.
2. Keputusan permohonan disemak melalui '**online**'.
3. Kursus Matrikulasi/ Asasi/ Foundation tidak ditaja.
4. Tarikh tutup permohonan adalah pada **30 April 2018**. Permohonan **selepas tarikh tersebut TIDAK akan dipertimbangkan**.